



Sebuah kereta melalui kawasan takungan air pasang besar di kawasan parkir di hadapan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, yang menjadi viral di media sosial, semalam.

Sarawak bakal alami air pasang paling tinggi

➔ Paras di Stesen Pulau Lakei, Kuching diramal capai 4.48 hingga 5.03 meter



Sepasukan anggota APM membantu Nor Asmawi Mohd Sharif (tengah) mengalihkan perabot selepas rumahnya dinaiki air di Kampung Machang Bubok, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Oleh Mohamed Farid Noh, Mohd Fahmi Mohd Yusof, Nadia Hamid, Mohd Shukor Amin, Nurazimah Mohamed Benyamin, Rudi Affendi Khalik dan Nurazimah Mohamed Benyamin
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Air pasang besar susulan fenomena Supermoon melanda beberapa negeri mulai kelmarin, diramal berterusan beberapa hari, dengan peningkatan paras air Sarawak dijangka paling tinggi.

Menurut Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), amaran kuning dikeluarkan di Sarawak kerana air pasang besar dijangka melepasi ketinggian maksimum.

Air pasang besar di Stesen Pulau

Lakei, Kuching, dijangka mencapai setinggi 4.48 meter hingga 5.03 meter; manakala Stesen Kukup di Johor pula antara 3.40 meter hingga 3.80 meter.

Buka bilik gerakan

NADMA turut menasihatkan agensi penguat kuasa dan penyelamat membuka bilik gerakan di daerah yang berkaitan bagi mengambil tindakan proaktif dalam persiapan menangani air pasang besar.

Sehingga malam tadi, hanya penduduk di Selangor yang dipindahkan, iaitu seramai 188 orang daripada 55 keluarga sekitar Kapar, Klang.

Negeri yang turut terjejas termasuk Johor, Kedah, Terengganu, Kelantan dan Pulau Pinang, tetapi tiada penduduk dipindahkan.

Sehingga malam tadi, hanya penduduk di Selangor yang dipindahkan, iaitu seramai 188 orang da-

ripada 55 keluarga sekitar Kapar, Klang.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Seri Irmohizam Ibrahim, mengarahkan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) mengeluarkan stok bekalan ikan sejuk beku bagi menampung permintaan di seluruh negara berikutan fenomena air pasang besar.

Katanya, langkah itu secara tidak langsung dapat membendung kenaikan harga ikan di pasaran.

"Nelayan perlu sentiasa mengikut arahan pihak berkuasa jika mereka (nelayan) dinasihatkan tidak turun ke laut bagi menjalani aktiviti menangkap ikan dan sebagainya berikutan fenomena ini," katanya dalam kenyataan.



Untuk video
layari www.bharian.com.my